

KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/08/20 – 69

SISTEM E-DERMA BAGI INSTITUSI DAN ORGANISASI

KINI DI PORTAL MYTAX

Sejajar dengan aspirasi kerajaan dalam memacu transformasi digital negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah melancarkan sistem perkhidmatan dalam talian baharu, **e-Derma** bagi memudahkan urusan permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967. e-Derma kini boleh diakses oleh Institusi atau Organisasi (IO) menerusi portal MyTax mulai 20 Ogos 2025.

Sistem e-Derma membolehkan Institusi atau Organisasi (IO) mengemukakan permohonan secara dalam talian serta menyemak status kelulusan permohonan dengan lebih mudah, sistematik dan efisien. Sebagai langkah penambahbaikan, sistem ini akan diperluaskan kepada kategori Tabung pada fasa seterusnya. Sehingga pelaksanaan tersebut dibuat, permohonan bagi kategori Tabung akan terus dilaksanakan melalui prosedur sedia ada.

Berdasarkan prosedur sedia ada, permohonan pengecualian cukai di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 adalah melalui pengemukakan permohonan secara bertulis (manual) kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN).

Bagi memudahkan semakan, e-Derma kini boleh diakses secara dalam talian melalui portal MyTax dengan mengikuti panduan mudah yang berikut:

- a. Layari portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- b. Klik Menu **Daftar Masuk > Peranan Pengarah Syarikat / Pentadbir Organisasi > Institusi atau Organisasi > Perkhidmatan ezHasil > e-Derma**

HASiL percaya dengan pelaksanaan e-Derma ini dapat meningkatkan kecekapan proses permohonan dan kelulusan secara menyeluruh seterusnya memacu sistem percukaian negara ke arah yang lebih cekap, telus dan berdaya saing di peringkat global.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE BEYOND LIMITS

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 20 Ogos 2025

Ms | 2